

Tujuh teras pacu budaya kerja selamat, sihat

BH - 14/10/2021 m/s. 2.

Pelan induk dirangka ambil kira perubahan senario pekerjaan akibat wabak

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSH-MP-25) menggariskan tujuh teras strategik yang menjadi pemacu kepada pembentukan 'Budaya Kerja Selamat dan Sihat', selain membantu meningkatkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pelan jangka sederhana itu dirangka dengan mengambil kira senario pekerjaan kini yang sudah berubah ekoran cabaran persekitaran global yang dijangka semakin kompetitif akibat pandemik COVID-19.

Beliau berkata, ekoran pandemik COVID-19, ruang rumah setiap ahli Keluarga Malaysia, kafe, gerai dan restoran kini menjadi ruang pekerjaan.

Berikutan itu, Ismail Sabri berkata, tujuh teras Strategik yang mengamalkan budaya kerja selamat ini amat mustahak untuk dipatuhi semua.

"Tujuh teras berkenaan memabitkan Teras pertama: Pemerkasaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sektor awam; Teras kedua: Pengukuhan amalan peraturan sendiri di tempat kerja; Teras ketiga: Penggalakan pendidikan & penyelidikan KKP; Teras keempat: Pemerka-

saan kesihatan pekerjaan; Teras kelima: Peningkatan pematuan KKP di sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Teras keenam: Pemantapan KKP melalui teknologi; dan Teras ketujuh: Peningkatan KKP berkaitan jalan raya WRRS, sektor informal dan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*)," katanya melancarkan pelan induk berkenaan secara maya, semalam.

Pelan lima tahun itu memberi tumpuan kepada usaha menurunkan kadar kemalangan dan kematian kepada 2.13 kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja dan 2.93 kematian bagi setiap 100,000 pekerja menjelang 2025.

Ismail Sabri berkata, pelan itu akan meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan mengurangkan kadar kemalangan, kematian dan jangkitan penyakit, yang sekali gus membantu usaha kerajaan meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, negara boleh mengalami kerugian sebanyak empat peratus daripada perolehan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setahun akibat pengabaian KKP.

Pun begitu, katanya, keutamaan kerajaan ialah untuk mengelakkan kehilangan nyawa ahli Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri berkata, sejak mencapai kemerdekaan, kerajaan berjaya meningkatkan purata pendapatan isi rumah Keluarga Malaysia secara berterusan, selain ia turut disokong oleh kepesatan ekonomi melalui usaha kerajaan merancang pertumbuhan jangka pendek, sederhana dan panjang.

Katanya, kesinambungan perancangan ini dapat dilihat di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang beliau bentangkan pada 27 September lalu.

“Pelan Induk ini adalah dokumen yang menterjemahkan komitmen dan hala tuju keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara untuk tempoh lima tahun akan datang”

Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri



“Perkembangan pesat ekonomi ini sebenarnya turut disokong oleh tenaga kerja dengan bakat, kemahiran dan kepakaran mereka memacu kemajuan dan meningkatkan pendapatan negara.

“Namun, kita harus menerima hakikat bahawa dunia dan negara masih berdepan dengan pandemik COVID-19, yang bukan sahaja mengancam kesihatan awam, malah memberi kesan terhadap aspek ekonomi dan sosial.

“Pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada hampir semua aspek pekerjaan. Penularan virus di tempat kerja antara risiko KKP, yang menuntut kerajaan, majikan dan pekerja mengambil langkah mencegah penyebaran penyakit itu,” katanya.

Ismail Sabri berkata, persekitaran global yang semakin kompetitif itu juga menuntut peralihan secara drastik kepada normal baharu pekerjaan, seperti bekerja dari rumah dengan peningkatan aktiviti dalam talian.

Katanya, ia turut membuka banyak peluang bagi warga pekerja manakala pekerja tidak semestinya berada di pejabat, sebaliknya semakin ramai yang akan beroperasi dari rumah apabila kebanyakan komunikasi, mesyuarat dan transaksi kewangan dilakukan secara maya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan komited melindungi sumber manusia berpaksikan prinsip Ink-

lusiviti dan Budaya Kerja Selamat.

Beliau berkata, di peringkat nasional, pelaksanaan strategi jangka panjang sistem pengurusan KKP, selain selaras Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 2006.

“Antara inisiatif penting diperkenalkan bagi meningkatkan sistem pengurusan KKP ialah Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2019 dan Sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata tujuh teras OSHMP2025 digariskan ke arah pembentukan budaya kerja selama dan sihat.

Beliau berkata, pelaksanaannya secara tidak langsung akan memperkukuh hubungan strategik pemegang taruh dalam membudayakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Katanya, setiap strategi di bawah OSHMP2025 dirangka dengan teliti, bertujuan menyokong asas serta hala tuju kepada aktiviti pembangunan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini.

“Pelan Induk ini adalah dokumen yang menterjemahkan komitmen dan hala tuju keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara untuk tempoh lima tahun akan datang,” katanya.